




**BAB**

**6**

**GRADUAN 2017  
(WARGANEGARA)  
YANG BELUM BEKERJA  
SEMPENA MUSIM  
KONVOKESYEN  
MASING-MASING**

## BAB 6: GRADUAN (WARGANEGARA) BELUM BEKERJA 2017

**Rajah 6.1:** Sebab belum bekerja bagi keseluruhan graduan 2017



**Rajah 6.2:** Kadar graduan 2017 yang belum bekerja mengikut peringkat pengajian




### Sebab Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2017

- Secara keseluruhan, 69.9 peratus graduan 2017 yang belum bekerja menyatakan mereka sedang mencari pekerjaan, diikuti 9.4 peratus ingin berehat, 5.5 peratus kerana tanggungjawab terhadap keluarga, 5.0 peratus sedang menunggu penempatan bagi melanjutkan pengajian dan 2.6 peratus memberi alasan kerja yang ditawarkan tidak sesuai.


### Kadar Graduan 2017 yang Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan ijazah pertama mencatat kadar belum bekerja paling tinggi berbanding peringkat lain, iaitu sebanyak 26.3 peratus. Ini diikuti oleh graduan Ph.D, iaitu 17.6 peratus, diploma (17.5 peratus) dan graduan peringkat sarjana sebanyak 15.1 peratus.
- Graduan peringkat sijil dan profesional mencatat peratus terendah bagi kadar belum bekerja, iaitu masing-masing 4.5 peratus dan 7.2 peratus.

**Rajah 6.3:** Kadar graduan 2017 yang belum bekerja mengikut bidang pengajian utama



**Rajah 6.4:** Kadar graduan ijazah pertama dan diploma 2017 yang belum bekerja mengikut jenis IPT




### Kadar Graduan 2017 yang Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian Utama

- Kadar belum bekerja adalah tertinggi bagi graduan dalam bidang sains, iaitu 24.6 peratus, diikuti bidang sastera dan sains sosial sebanyak 22.7 peratus, bidang teknologi maklumat dan komunikasi (18.3 peratus), bidang teknik (17.0 peratus), dan bidang pendidikan sebanyak 16.6 peratus.


### Kadar Graduan Ijazah Pertama Dan Diploma 2017 yang Belum Bekerja Mengikut Jenis IPT

- Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama IPT lain adalah 34.2 peratus, UA (26.7 peratus), IPTS (25.6 peratus) dan politeknik sebanyak 4.8 peratus.
- Bagi peringkat diploma 2017 pula, graduan IPTS mencatatkan peratus belum bekerja tertinggi, iaitu 26.0 peratus, diikuti graduan diploma IPT lain sebanyak 23.6 peratus dan diploma UA sebanyak 11.3 peratus.

**Rajah 6.5:** Kadar graduan 2017 yang belum bekerja mengikut negeri bermastautin



**Rajah 6.6:** Taburan graduan 2017 belum bekerja mengikut penaja pengajian




### Kadar Graduan 2017 yang Belum Bekerja Mengikut Negeri Bermastautin

- Kadar belum bekerja mengikut negeri bermastautin menunjukkan peratus tertinggi adalah bagi negeri Sabah dan terendah ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### Taburan Graduan 2017 Belum Bekerja Mengikut Penaja Pengajian

- Sebahagian besar graduan belum bekerja adalah terdiri daripada mereka yang mendapat pembiayaan daripada PTPTN, iaitu sebanyak 53.0 peratus, diikuti pembiayaan persendirian (25.9 peratus) dan MARA (10.7 peratus).


**Rajah 6.7:** Kadar graduan ijazah pertama 2017 yang belum bekerja mengikut pendapatan bulanan keluarga



### Kadar Graduan Ijazah Pertama 2017 yang Belum Bekerja Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

- Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama 2017 menunjukkan peratus tertinggi berada dalam kumpulan pendapatan keluarga RM1000 dan ke bawah, iaitu sebanyak 27.2 peratus, diikuti 22.7 peratus dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000 dan 20.5 peratus dalam kumpulan pendapatan RM2001 – RM3000. Peratus terendah ialah bagi graduan dalam kumpulan pendapatan keluarga RM5001 dan ke atas, iaitu 15.7 peratus.

**Rajah 6.8:** Kekerapan menghadiri temu duga bagi graduan 2017 belum bekerja



### Kekerapan Menghadiri Temu duga bagi Graduan 2017 Belum Bekerja

- Sebahagian besar, iaitu 53.6 peratus graduan 2017 yang belum bekerja pernah menghadiri temu duga sebanyak 1 – 5 kali, 7.2 peratus pernah menghadiri temu duga lebih daripada 5 kali dan terdapat juga 39.2 peratus yang tidak pernah menghadiri manapun temu duga pekerjaan.

**Rajah 6.9:** Cara mendapatkan maklumat pekerjaan bagi graduan 2017 yang belum bekerja

Cara mendapatkan maklumat pekerjaan	UA (n = 26,776)	IPTS (n = 24,804)	Politeknik (n = 1,234)	Kolej Komuniti (n = 291)	IPT lain (n = 268)	Keseluruhan (n = 53,373)
	% %					
Internet	58.2	52.5	48.5	39.5	55.2	<b>55.2</b>
JobsMalaysia	21.1	19.3	24.6	13.7	1.5	<b>20.3</b>
Media sosial	7.6	6.5	7.5	10.0	1.9	<b>7.1</b>
Rakan/keluarga	2.6	6.7	5.4	11.3	0.4	<b>4.7</b>
Agensi pekerjaan	3.3	3.3	4.0	4.1	19.4	<b>3.3</b>
Karnival kerjaya	2.2	3.0	1.9	1.4	3.7	<b>2.5</b>
Media cetak	1.2	1.3	1.5	1.4	1.5	<b>1.3</b>
Media elektronik	0.8	0.8	0.6	-	10.4	<b>0.8</b>
Pusat kaunseling/Kerjaya	0.6	1.1	0.2	0.3	0.7	<b>0.8</b>
Pensyarah	0.4	0.5	0.5	0.3	-	<b>0.4</b>
Lain-lain	0.4	0.8	0.3	1.0	2.6	<b>0.6</b>
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

#### Cara Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2017 yang Belum Bekerja

- Secara keseluruhannya, sebahagian besar (55.2 peratus) graduan 2017 yang belum bekerja mendapatkan maklumat pekerjaan melalui internet, diikuti 20.3 peratus melalui JobsMalaysia, 7.1 peratus melalui media sosial dan selebihnya melalui pelbagai kaedah yang lain.